



MSM rancang beli ladang tebu

AQMAR ALLADAD

KUALA LUMPUR – Syarikat pengeluar gula proses terbesar di negara ini, MSM Holdings Bhd. (MSM) merancang untuk membeli tanah perladangan tebu di beberapa buah negara terpilih bagi mengurangkan kebergantungan import gula mentah.

MSM merupakan syarikat milik Felda Global Venture Holdings Sdn. Bhd. (FGV) kini mengimport seratus peratus gula mentah dari Brazil, Australia dan Thailand.

Pengerusi Felda, Tan Sri Isa Samad berkata, pihaknya sedang menilai kawasan dan tanah yang sesuai untuk membeli tanah perladangan bagi tanaman tebu.

“Perancangan memang sudah ada, namun kami belum membuat keputusan negara mana yang se-

suai sama ada Brazil, Indonesia atau Myanmar.

“Bagaimanapun, keputusan untuk perancangan ini akan diketahui pada masa akan datang,” katanya pada sidang akhbar Majlis

Penyerahan Zakat MSM di Dewan Perdana Felda di sini semalam.

Pada majlis tersebut, MSM menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM17 juta kepada negeri Perlis sebanyak RM1.4 juta, Pulau Pinang (RM8.6 juta) dan Wilayah Persekutuan (RM7.4 juta).

Syarikat tersebut mencatatkan peningkatan pembayaran zakat sebanyak lima peratus lebih tinggi daripada tahun sebelumnya iaitu RM16 juta.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengerusi Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Datuk Che Mat Che Ali, pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MSM, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MSM, Mohd. Amri Sahari.

Dalam pada itu, Isa berkata, bermula tahun ini MSM mula mengimport sepenuhnya gula mentah sebanyak 960,000 tan setahun ekoran penutupan ladang tebu seluas 1,618 hektar di Perlis.

“Ladang tersebut kini diganti dengan tanaman getah dan ia ditutup kerana kawasan itu kecil dan tidak mendapat pulangan tinggi, jadi lebih baik kita ambil dari luar negara,” jelasnya.



ISA (dua dari kanan) berbual sesuatu dengan Che Mat (tiga dari kiri) ketika Majlis Penyerahan Zakat MSM di Dewan Perdana Felda, Jalan Semarak, Kuala Lumpur semalam.